

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002**  
**ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN II - PERKAHWINAN**

---

**Seksyen 14. Perkahwinan seseorang perempuan.**

- (1) Tiada seorang perempuan pun boleh, dalam masa perkahwinannya dengan seorang lelaki berterusan, berkahwin dengan seseorang lelaki lain.
- (2) Jika perempuan itu seorang janda—
- (a) tertakluk kepada perenggan (c), dia tidak boleh, pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh 'iddahnya yang dikira mengikut Hukum Syarak, berkahwin dengan mana-mana orang melainkan dengan lelaki yang akhir dia telah bercerai;
  - (b) dia tidak boleh berkahwin melainkan jika dia telah mengemukakan—
    - (i) surat perakuan cerai yang sah yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa;
    - (ii) suatu salinan yang diperakui bagi catatan yang berhubungan dengan perceraianya dalam daftar perceraian yang berkenaan; atau
    - (iii) suatu perakuan, yang boleh diberikan atas permohonannya selepas siasatan yang sewajar oleh Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana permohonan itu dibuat, yang bermaksud bahawa dia ialah seorang janda; dan
  - (c) jika perceraian itu adalah dengan *ba-in kubra*, iaitu tiga talaq, dia tidak boleh berkahwin semula dengan suaminya yang dahulu itu, melainkan jika dia telah berkahwin dengan sah dengan seorang lain dan dia telah disetubuhi oleh seorang lain itu dalam perkahwinan itu dan perkahwinan itu dibubarkan kemudiannya dengan sah dan setelah habis tempoh 'iddahnya.
- (3) Jika perempuan itu mendakwa dia telah bercerai sebelum dia disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan itu, dia tidak boleh, dalam masa 'iddah perceraian biasa, berkahwin dengan mana-mana orang selain suaminya yang dahulu itu, kecuali dengan kebenaran Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat perempuan itu bermastautin.
- (4) jika perempuan itu ialah seorang balu—
- (a) dia tidak boleh berkahwin dengan mana-mana orang pada bila-bila masa sebelum habis tempoh 'iddahnya yang hendaklah dikira mengikut Hukum Syarak; dan
  - (b) dia tidak boleh berkahwin melainkan jika dia telah mengemukakan perakuan kematian suaminya atau dengan cara lain membuktikan kematian suaminya.
-